

Wanita perlu berani teroka peluang, elak ketinggalan

Dr Haniyah Hussain,
Pusat Sains
Kemanusiaan
(PSK) Universiti
Malaysia Pahang

Dewasa ini terdapat kes membabitkan wanita didera, dieksploitasi dalam pelbagai aspek, terbabit jenayah, teraniaya, tiada punca pendapatan, diabaikan suami dan keluarga, selain terjebak dengan kegiatan tidak bermoral.

Pada dasarnya, terdapat pelbagai punca mengapa perkara ini berlaku, namun antara sebab utama adalah wanita itu sendiri tidak memperluangkan diri menempuh realiti kehidupan semakin mencabar.

Dalam konteks zaman moden hari ini, peranan wanita semakin luas dan mencabar. Pembangunan negara menuntut semua lapisan masyarakat turut serta dalam perancangan dan pembangunan negara.

Peranan wanita penting sebagai pemimpin dalam organisasi, politik, jabatan dan agensi kerajaan serta swasta. Dalam hal ini, wanita perlu tahu kebolehan diri, minat, bakat dan apa inginkan dalam hidupnya.

Wanita zaman moden perlu aktif memajukan diri supaya sentiasa relevan dalam arus pembangunan

negara. Perkara pertama yang wanita perlu ada dan kuasai adalah ilmu.

Dalam hal ini, ilmu adalah keperluan asas jika mereka ingin maju dan sentiasa relevan di alam pekerjaan. Oleh itu, wanita perlu merebut peluang menimba ilmu setinggi mana mereka mampu, sekali gus mengembangkan bakat serta kebolehan mereka.

Masa depan cerah jika ada ketuluan akademik

Tidak keterlaluan jika dikatakan wanita mempunyai masa depan cerah jika mereka miliki ketuluan akademik.

Kenaikan kos sara hidup menyebabkan seluruh isi rumah bertanggungjawab membantu menampung perbelanjaan keluarga. Dalam konteks ini, wanita harus mempunyai kerjaya sendiri dan tidak boleh mengharapkan suami semata-mata untuk menyediakan segala keperluan keluarga.

Seseorang wanita pasti mempunyai kebolehan, minat dan kepakaran dalam bidang tertentu. Mungkin ada wanita masa kini tidak sedar kebolehan mereka atau tidak tahu bagaimana meng-

gunakannya. Dalam hal ini mereka perlu pandai mengenal pasti potensi diri mereka.

Seterusnya seseorang wanita juga perlu mengetahui hak mereka sebagai wanita dan isteri serta ibu. Kurangnya pengetahuan mengenai hak ini adakalanya menyebabkan wanita tidak berani meneroka peluang baharu.

Jika mereka berkahwin, ada masanya menjadi mangsa penganiayaan dan pengabaian suami secara berterusan tanpa pembelaan.

Apa yang pasti, pada era ini, wanita perlu mengambil tahu perkembangan semasa kerana jika mereka hanya berfikir dalam kotak sahaja mungkin mereka akan tertinggal di belakang.

Golongan wanita juga perlu tahu apa yang berlaku dalam negara dan luar negara. Apakah isu berlegar dalam masyarakat supaya mereka peka dengan persekitaran dan mengambil langkah perlu bagi memastikan mereka tidak terjerumus dengan pelbagai penipuan atau jenayah.

Secara amnya, wanita hari ini perlu bijak dalam mengatur hidup mereka kerana tiada siapa boleh menentukan hala tuju hidup seseorang.